



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

---

**DASAR DAN SYARAT ANUGERAH KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA-  
DUAL AWARD, JOINT AWARD, DOUBLE DEGREE  
DAN PROGRAM KERJASAMA PPTA-PPTS  
DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
KAMPUS BACHOK  
Beg Berkunci No. 1, 16300 Bachok, Kelantan  
09-7797000  
[www.umk.edu.my](http://www.umk.edu.my)**

---

Diluluskan oleh Senat Bil. 2/2017 (Kali ke- 93), 20 Februari 2017

Disahkan benar:

Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah  
Tarikh: 16/10/17

Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Tarikh: 16/10/17

## KANDUNGAN

## MUKASURAT

1.0	Pendahuluan	2
2.0	Objektif Dasar	2
3.0	Pernyataan Dasar	
3.1	Dasar dan Syarat	3-13
3.2	Punca Kuasa	13
4.0	Pengabaian	13

Diluluskan oleh Senat Bil.  
2/2017 (Kali ke- 93), 20  
Februari 2017

1

Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:

Prof. Dr. Mohd Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik &  
Antarabangsa)

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Dokumen ini menggariskan Dasar dan Syarat Anugerah Kelayakan Ijazah Sarjana Muda - *Dual Award, Joint Award, Double Degree* dan Program Kerjasama PPTA-PPTS di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- 1.2 Penekanan Dasar ini adalah lebih kepada Dasar dan Syarat Anugerah Kelayakan Ijazah Sarjana Muda mengikut jenis anugerah dan tatanama program untuk diguna pakai di UMK.
- 1.3 Dasar ini disediakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK dan boleh berubah mengikut keperluan semasa.
- 1.4 Sebarang perubahan Dasar ini akan dibentangkan di Mesyuarat Senat Universiti untuk mendapat kelulusan sebelum dimaklumkan kepada pihak berkepentingan.

## 2.0 OBJEKTIF DASAR

- 2.1 Objektif utama Dasar ini ialah untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sejajar dengan keperluan negara.
- 2.2 Objektif yang lebih spesifik adalah untuk:
  - 2.2.1 Membantu PPT menghasilkan siswazah yang lebih *marketable* dan *employable* di pasaran kerja tempatan dan antarabangsa;
  - 2.2.2 Membolehkan jabatan, fakulti dan pusat akademik di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mendapat panduan yang jelas tentang Pemakaian Dasar dan Syarat Anugerah Kelayakan Ijazah Sarjana Muda – *Dual Award, Joint Award, Double Degree* dan Program Kerjasama PPTA-PPTS di Universiti Malaysia Kelantan;

Diluluskan oleh Senat Bil.  
2/2017 (Kali ke- 93), 20  
Februari 2017

.....  
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:

.....  
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik &  
Antarabangsa)


### 3.0 PERNYATAAN DASAR

3.1 Pemakaian dasar dan syarat Anugerah Kelayakan Ijazah Sarjana Muda dinyatakan seperti berikut:


No.	Jenis Anugerah	Definisi	Tatanama Program	Contoh Penamaan	Bentuk Kerjasama	Dasar Umum/ Syarat
1.	Dual Award	<p><i>Dual Award</i> ini melibatkan dua program pengajian daripada dua bidang yang sama atau hampir sama antara PPT A dan PPT B.</p> <p>Graduan akan menerima DUA ijazah yang berasingan daripada PPT A dan PPT B.</p>	<p>i. Major</p> <p>ii. Major (Pengkhususan)</p> <p>iii. Major Minor</p> <p>iv. Dwimajor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sarjana Muda Ekonomi di PPT A &amp; Sarjana Muda Ekonomi Antarabangsa di PPT B.</li> <li>Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Antarabangsa) di PPT A &amp; Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Politik) di PPT B.</li> <li>Sarjana Muda Ekonomi <u>dengan</u> Usuluddin di PPT A &amp; Sarjana Muda Ekonomi dengan Pengajian Islam di PPT B.</li> <li>Sarjana Muda <u>Ekonomi dan</u> Usuluddin di PPT A &amp; Sarjana Muda</li> </ul>	1. PPT A dan PPT B ( <i>equal standing institution</i> )	<p><b>Dasar Umum:</b></p> <p>1. MQA tidak akan mengiktiraf kelayakan kedua yang dianugerahkan oleh PPT lain bagi program yang sama.</p> <p><b>Syarat:</b></p> <p>1. Dilaksanakan dalam dua bidang yang sama atau hampir sama di dalam atau luar negara.</p> <p>2. Peratus kursus yang diambil oleh pelajar di PPT yang bekerjasama perlu mematuhi dasar pemindahan kredit sedia ada.</p> <p>3. Ini membolehkan pelajar mendapat dua penganugerahan yang berasingan daripada PPT yang bekerjasama.</p> <p>4. Program <i>Dual Award</i> tersebut</p>

3

Diluluskan oleh Senat Bil.  
2/2017 (Kali ke- 93), 20  
Februari 2017

  
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah


Disahkan benar:

  
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik &  
Antarabangsa)

				Ekonomi dan Sains Politik di PPT B.		perlu mencapai akreditasi, memenuhi tahap jaminan kualiti yang baik di institusi masing-masing.
2.	<i>Joint Award</i>	<p><i>Joint Award</i> atau Anugerah Bersama ini melibatkan pemilikan dan pembangunan kurikulum di antara PPT A dan PPT B atau melebihi 2 PPT yang setaraf untuk bekerjasama.</p> <p>Sebagai tanda pemilikan dan tanggungjawab bersama hal jaminan kualiti, hanya SATU ijazah yang dianugerahkan bersama akan diberikan kepada graduan selepas tamat pengajian.</p>	<p>i. Major</p> <p>ii. Major (Pengkhususan)</p> <p>iii. Major Minor</p> <p>iv. Dwimajor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Ekonomi di PPT A &amp; Sarjana Muda Ekonomi Antarabangsa di PPT B.</li> <li>• Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Antarabangsa) di PPT A &amp; Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Politik) di PPT B.</li> <li>• Sarjana Muda Ekonomi dengan Usuluddin di PPT A &amp; Sarjana Muda Ekonomi dengan Pengajian Islam di PPT B.</li> <li>• Sarjana Muda Ekonomi dan Usuluddin di PPT A &amp; Sarjana Muda Ekonomi dan Sains Politik di PPT B.</li> </ul>	1. PPT A dengan PPT B ( <i>equal standing institution</i> )	<p><b>Dasar Umum:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dilaksanakan melalui kerjasama antara dua atau lebih institusi yang membangunkan kurikulum program pengajian.</li> <li>2. PPT yang ingin melaksanakan <i>joint award</i> perlu memastikan bahawa skrol yang diterima oleh pelajar mempunyai logo/tandatangan PPT yang mengesahkan jalinan kerjasama dalam penganugerahan sesuatu kelayakan.</li> </ol> <p><b>Syarat:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemilikan/pembangunan kurikulum mestilah di antara institusi yang bekerjasama.</li> <li>2. Skrol program <i>joint award</i> mesti ditandatangani oleh institusi yang bekerjasama</li> </ol>


						<p>sebagai tanda pemilikan kelayakan dan tanggungjawab kualiti.</p> <p>3. Penawaran <i>joint award</i> hanya dibenarkan untuk program peringkat ijazah sarjana muda dan peringkat yang lebih tinggi.</p> <p>4. <i>Joint award</i> hanya dibenarkan ke atas institusi yang boleh menganugerahkan kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda (<i>degree granting institution</i>) yang setanding (<i>equal standing institution</i>).</p> <p>5. Institusi yang bekerjasama perlulah mempunyai staf akademik yang berkelayakan, berpengetahuan serta profesionalisme yang setanding antara satu sama lain.</p> <p>6. PPT yang terlibat dalam <i>program joint award</i> hendaklah mempunyai sistem jaminan kualiti dalaman yang mantap.</p>
--	--	--	--	--	--	--

Diluluskan oleh Senat Bil.  
2/2017 (Kali ke- 93), 20  
Februari 2017

5  


Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:

  
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik &  
Antarabangsa)


						7. Program <i>joint award</i> tersebut perlu mencapai Akreditasi/ memenuhi tahap jaminan kualiti yang baik di institusi masing-masing.
3.	<i>Double Degree</i>		<p>i. Major</p> <p>ii. Major (Pengkhususan)</p> <p>iii. Major Minor</p> <p>iv. Dwimajor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Ekonomi di PPT A &amp; Sarjana Muda Perakaunan di PPT B.</li> <li>• Sarjana Muda Ekonomi di Fakulti A &amp; Sarjana Muda Sains di Fakulti B.</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Kreatif di Fakulti A &amp; Sarjana Muda Pengajian Warisan di Fakulti A.</li> <li>• Sarjana Muda Sains Komputer (Pengataurcaraan) di PPT &amp; Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Antarabangsa) di PPT B.</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PPT A dengan PPT B (equal standing institutio n).</li> <li>2. Fakulti A dengan Fakulti B dalam PPT yang sama.</li> <li>3. Progra m A dengan Progra m B dalam Fakulti yang sama.</li> </ol>	<p><b>Dasar Umum:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dilaksanakan dalam dua bidang yang berbeza atau sama.</li> <li>2. Ini membolehkan pelajar mendapat penganugerahan dalam dua bidang.</li> </ol> <p><b>Syarat:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jumlah Kredit Minimum Konsep taburan kredit yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Amalam Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum dijadikan panduan dalam menentukan jumlah kredit minimum bagi program Double Degree. Berdasarkan sampel yang dinyatakan di dalam garis panduan tersebut, jumlah kredit minimum bagi</li> </ol>

6

Diluluskan oleh Senat Bil.  
2/2017 (Kali ke- 93), 20  
Februari 2017

  
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:

  
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik &  
Antarabangsa)

				<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Dakwah Dengan Teknologi Maklumat di PPT A &amp; Sarjana Muda Ekonomi <u>dengan</u> Usuluddin</li> <li>• Sarjana Muda <u>Ekonomi dan Usuluddin</u> di PPT A &amp; Sarjana Muda Sastera Bahasa Inggeris dan Komunikasi Massa</li> </ul>		<p>program Double Degree akan berbeza dan akan meningkat apabila ijazah Sarjana Muda 1 (ISM1) dan Ijazah Sarjana Muda 2 (ISM2) adalah dari bidang yang berbeza.</p> <p>2. Tempoh Minimum Penawaran Program Tempoh minimum penawaran program Double Degree adalah 4 tahun. Tempoh penawaran juga akan berbeza mengikut gabungan program yang akan ditawarkan sebagai Double Degree.</p> <p>3. Peratusan Pertindihan Kursus Komposisi peratusan pertindihan kursus dianggarkan akan berbeza mengikut bidang program yang ditawarkan dalam program Double Degree. Dalam menentukan kesamaan/ pertindihan kursus-kursus yang dikongsi dalam program Double Degree, konsep pindah kredit secara horizontal digunakan.</p>
--	--	--	--	---	--	--

7



Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:



Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Diluluskan oleh Senat Bil.  
2/2017 (Kali ke- 93), 20  
Februari 2017




						<p>Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus (subject to subject mapping).</p> <p>4. Syarat umum pindah kredit adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Gred lulus – gred minimum iaitu gred C.</li> <li>b. Nilai kredit – sama dengan nilai kredit kursus bagi program yang dipetakan.</li> <li>c. Kesetaraan kurikulum kursus adalah tidak kurang daripada 80%.</li> <li>d. Kursus yang terlibat mestilah daripada program yang telah mendapat akreditasi/ pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.</li> </ol> <p>5. Pemilihan Pelajar PPT perlu menentukan polisi pengambilan pelajar program</p>
--	--	--	--	--	--	---

						<p>Double Degree di mana hanya pelajar yang mempunyai rekod pencapaian akademik yang cemerlang sahaja yang akan dibenarkan untuk mengikuti program Double Degree.</p> <p>6. Penawaran Program Double Degree Fakulti/ PPT yang terlibat dalam penawaran program Double Degree perlulah mempunyai perjanjian persefahaman yang jelas dan komprehensif. Program yang terlibat hendaklah kedua-duanya telah mencapai status Akreditasi. Penawaran program Double Degree boleh dilaksanakan secara serentak (concurrent) ataupun berturutan (sequential) tertakluk kepada konsep penawaran di bawah:</p> <p><b><u>Berturutan (Sequential)</u></b> Hanya pelajar yang telah mengikuti sepenuhnya</p>
--	--	--	--	--	--	--

Disahkan benar:

Diluluskan oleh Senat Bil.  
2/2017 (Kali ke- 93), 20  
Februari 2017

  
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah

  
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik &  
Antarabangsa)

					<p>program ISM1 dengan rekod akademik yang cemerlang sahaja layak memohon untuk mengikuti ISM2. Permohonan mengikuti program Double Degree perlu dibuat secara berasingan dan persetujuan fakulti/PPT yang terlibat.</p> <p><b><u>Serentak (Concurrent)</u></b>  Hanya pelajar yang telah pun lengkap mengikuti tahun dua di ISM1 dengan rekod akademik yang cemerlang boleh dipertimbangkan untuk mendaftar dan mengikuti program ISM2.</p> <p>7. Penganugerah Kelayakan  Umumnya pelajar yang mengikuti program Double Degree akan dianugerahkan dengan dua kelayakan setelah berjaya melengkapkan jumlah kredit yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya prestasi pelajar semasa mengikuti program Double Degree adalah tidak memuaskan maka pelajar hanya akan dianugerahkan dengan satu</p>
--	--	--	--	--	--



Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:



Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik &  
Antarabangsa)

						<p>kelayakan sahaja berdasarkan pencapaian pelajar tersebut. Justeru, PPT perlu menyediakan polisi bergraduat yang jelas bagi program Double Degree bagi memastikan pelajar yang mengikutinya dapat bergraduat dengan dua kelayakan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>
4.	<p>Program Kerjasama PPT Awam (PPTA) – PPT Swasta (PPTS) dalam negara</p>	<p>Membenarkan program sendiri UMK ditawarkan oleh PPTS lain.</p>	<p>i. Major</p> <p>ii. Major (Pengkhususan)</p> <p>iii. Major Minor</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Ekonomi secara kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan</li> <li>• Sarjana Muda Perakaunan secara kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan</li> <li>• Sains Komputer (Pengataurcaraan) secara kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan</li> <li>• Sarjana Muda</li> </ul>	<p>1. PPT A dengan PPT B</p>	<p><b>Dasar Umum</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Program kerjasama UA – PPTS merupakan suatu kaedah membenarkan PPTS menawarkan program akademik UA di premis mereka.</li> <li>2. Program akademik yang akan diberi keutamaan adalah di peringkat Diploma, manakala bagi peringkat Ijazah pula hanya program-program tertentu sahaja yang boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan KPT.</li> <li>3. Setiap permohonan untuk program kerjasama</li> </ol>

			iv. Dwimajor	<p>Ekonomi (Ekonomi Antarabangsa) secara kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Dakwah Dengan Teknologi Maklumat secara kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan</li> <li>• Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan <u>dengan</u> Usuluddin secara kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan</li> <li>• Sarjana Muda <u>Ekonomi dan</u> Usuluddin secara kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan</li> <li>• Sarjana Muda Sastera Bahasa</li> </ul>	<p>hendaklah berpandukan kepada format yang telah ditetapkan oleh KPT.</p> <p><b>Syarat:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi program Ijazah UA ianya hendaklah merupakan program yang telah mantap iaitu program yang telah menghasilkan sekurang-kurangnya kumpulan pertama graduan.</li> <li>2. Program kerjasama yang hendak dijalankan mestilah mencapai standard minima seperti yang telah ditetapkan oleh MQA bagi program pengajian yang ditawarkan.</li> <li>3. Pengendalian program kerjasama hendaklah dikawalselia oleh unit khas yang diwujudkan di UA.</li> </ol>
--	--	--	--------------	---	---

				Inggeris dan Komunikasi Massa secara kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan		
--	--	--	--	--	--	--

### 3.2 Punca Kuasa

3.2.1 Pemakaian Dasar dan Syarat Anugerah Kelayakan Ijazah Sarjana Muda – *Dual Award, Joint Award, Double Degree* Dan Program Kerjasama PPTA-PPTS di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah tertakluk kepada segala undang-undang, dasar, peraturan, standard dan garis panduan yang ditetapkan/diluluskan oleh KPT, MQA, agensi penguatkuasa berkenaan, badan-badan profesional yang berkaitan dan/atau Senat Universiti.

3.2.2 Segala undang-undang, dasar, peraturan, standard dan garis panduan yang diadakan oleh pihak Universiti atau Pusat Akademik yang berkait dengan Anugerah Kelayakan Ijazah Sarjana Muda akan tertakluk kepada Dasar dan syarat ini.

## 4.0 PENGABAIAN

4.1 Jika didapati mana-mana Perkara dalam Dasar ini bertentangan dengan mana-mana klausa atau perkara dalam undang-undang, dasar dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di peringkat nasional, negeri atau Universiti, maka dengan sendirinya Perkara berkenaan perlu diabaikan.

13

Diluluskan oleh Senat Bil.  
2/2017 (Kali ke- 93), 20  
Februari 2017

Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,  
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:

Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik &  
Antarabangsa)